

05/03/2001

Malaysia kaji buka kedutaan di Colombia

KOTA TINGGI, Ahad - Kesungguhan kerajaan Colombia mempertingkatkan kerjasama dua hala dalam sektor perdagangan dan pelaburan dengan Malaysia, mendorong kerajaan untuk membuka pejabat kedutaan di negara Latin itu.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata Malaysia memang berhasrat membuka pejabat kedutaan di negara Latin itu demi kepentingan negara, di samping kerjasama baik dengan Colombia.

Beliau bagaimanapun berkata, kerajaan akan meneliti cadangan itu bila tiba masa sesuai.

"Jika berdasarkan lawatan kerja empat hari oleh Presidennya, Andreas Pastrana, ke negara ini, beliau menampakkan minat mendalam mengenai perancangan pembangunan sosioekonomi yang diamalkan Malaysia.

"Kita akan lihat perkembangan itu bersama-sama, walaupun buat masa ini perdagangan dan pelaburan Malaysia-Colombia kecil dan hanya membabitkan berjuta ringgit.

"Setakat ini, Malaysia sudah mempunyai pejabat kedutaan di Peru dan pegawai kita boleh membuat tugas di sana (Colombia)," katanya selepas mengiringi Pastrana dan isteri, Nohra Puyana melakukan lawatan kerja selama dua jam di Tanah Rancangan Felda Semenchu dekat sini, hari ini.

Presiden Colombia tiba di Felda Semenchu kira-kira jam 10.05 pagi dengan menaiki helikopter Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) sebelum membuat lawatan ke Wisma JKKR Felda Semenchu, rumah contoh peneroka serta kilang kelapa sawit Felda Semenchu.

Lebih 8,000 penduduk Felda Semenchu termasuk kanak-kanak sekolah menyambut ketibaan Pastrana dan Nohra. Turut hadir, Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, selaku menteri pengiring.

Mengenai hasil lawatan Pastrana selama empat hari di negara ini, Syed Hamid berkata, lawatan itu boleh dianggap berjaya berdasarkan pemilihan Malaysia sebagai negara contoh untuk membangunkan sosioekonomi negara Latin itu.

"Pastrana amat tertarik dengan usaha kerajaan pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang membolehkan rakyat miskin mengubah kehidupan," katanya.

Sementara itu di Sepang, Pastrana hari ini berlepas ke India selepas menamatkan lawatan ke Malaysia.

Beliau yang ditemani isterinya, Nohra Puyana dan rombongan berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini, hari ini.

Menteri Pengiring, Datuk Law Hieng Ding dan Timbalan Menteri Luar, Datuk Leo Michael Toyad berada di KLIA untuk mengucapkan selamat jalan kepada tetamu negara itu.

(END)